

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

ATP 300 - Undang-undang Syarikat dan Kontrak

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini dibahagikan kepada DUA bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A berkaitan dengan Undang-undang Kontrak, manakala B berkaitan dengan Undang-undang Syarikat.

Jawab EMPAT soalan: DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Setiap soalan mempunyai kadar pembahagian MARKAH yang SAMA.

BAHAGIAN A - (UNDANG-UNDANG KONTRAK)

1. Seksyen 2(a) Akta Kontrak, 1950 (Disemak 1974) berbunyi:

"Apabila seseorang menyatakan kesediaannya kepada seseorang lain untuk melakukan sesuatu, atau menahan diri daripada melakukan sesuatu, dengan maksud untuk memperolehi persetujuan orang itu untuk berbuat sesuatu, atau menahan diri dari berbuat sesuatu."

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, bincangkan cara atau kaedah bagaimanakah sesuatu cadangan (penawaran) boleh dilakukan?

[100 markah]

...2/-

2. Tuliskan esei ringkas berkenaan dengan LIMA daripada perkara berikut:-
- (a) Pembalasan
 - (b) Niat untuk mengujudkan perhubungan yang sah di sisi undang-undang
 - (c) Ketentuan
 - (d) Keupayaan mengikut undang-undang.
 - (e) Keizinan yang sebenar
 - (g) Keesahan objek
 - (h) Kemungkinan perlaksanaan
 - (i) Pengaruh tak berpatutan
 - (j) Salah Nyata

[100 markah]

3. Moo Sang dan Ah Yam merupakan dua orang eksekutif di Syarikat Hee Teck Ang Sa yang diberi tugas untuk menyenaraikan perkara yang boleh menyebabkan sesuatu kontrak menjadi batal. Sebagai seorang peguambela dan peguamcara yang bertauliah, anda diminta untuk mebantu Moo Sang dan Ah Yam dalam menjalankan tugas yang diberikan kepada mereka. Jalankan tugas anda dengan bijaksana!

[100 markah]

4. Botak telah menandatangani satu kontrak untuk memberi pinjaman wang kepada Gondol sebanyak \$400.00. Wang ini digunakan oleh Gondol untuk membeli dua ekor beruk pemanjat pokok kelapa. Mengikut persetujuan, Gondol dikehendaki membayar balik wang berkenaan dalam tempoh dua minggu kepada Botak. Gondol gagal berbuat demikian kerana beruk-beruk yang dibeli tidak mampu menyumbangkan sebarang sumber pendapatan kepada Gondol akibat terkena penyakit lelah, penat dan takut. Botak menuduh Gondol sengaja tidak mahu membayar hutangnya dan ia mahu melihat sendiri sama ada benar atau

...3/-

tidak beruk berkenaan tidak boleh bekerja. Atas desakan Botak, Gondol telah memaksa salah seekor daripada beruk yang sakit itu untuk memanjat sebatang pokok kelapa. Dalam keadaan ketakutan, beruk itu pun terpaksa memanjat dan memetik buah kelapa yang diarahkan. Malangnya sebiji kelapa yang dilontarkan ke bawah telah terjatuh dan terkena kepala botak yang tidak berambut itu. Botak menjerit kesakitan, "Aduhhh!! Mampus aku, keluar bintang! Macam ni tak boleh jadi, silap haribulan, aku boleh mati. Cepat bayar aku \$200.00, kira selesai semua hutang!"

Tidak lama kemudian, Gondol telah meminjam wang daripada seorang rakan yang lain dan membayar \$200.00 kepada Botak tetapi Botak enggan menerimanya. Katanya: "Mana boleh, banyak bagus, hutang \$400.00 bayar balik \$200.00."

Anda diminta menyelesaikan kes ini berdasarkan kepada peruntukan Akta Kontrak, 1950 dan kes-kes yang berkaitan.

[100 markah]

BAHAGIAN B (UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN DAN SYARIKAT)

5. Anda telah dijemput oleh sebuah Syarikat Antarabangsa "Tai Koo Cing Corporation" yang beroperasi di Taiwan untuk memberikan satu ceramah yang berkaitan dengan perbezaan di antara perkongsian dan syarikat di Malaysia. Sediakan kertas kerja anda dengan teliti.

[100 markah]

6. Dalam kes Kelner lwn. Baxter (1866) L.R. 2 C.P. 174 telah diputuskan bahawa pengarah-pengarah syarikat bertanggungjawab secara persendirian bagi kontrak yang ditandatangani oleh mereka sebelum syarikat diperbadankan atau ditubuhkan.

Berdasarkan kepada keputusan di atas, bincangkan secara umum kesan kontrak yang dibuat oleh sesebuah syarikat di Malaysia sebelum syarikat berkenaan diperbadankan.

[100 markah]


...4/-

7. Syarikat Naaaasi Kandar Sdn. Bhd. ditubuhkan dengan objek untuk menjual makanan dan minuman. Syarikat ini telah membuat pinjaman sebanyak \$50,000.00 daripada Mamakbank Berhad bagi menjalankan operasinya. Selepas beberapa bulan perniagaan dijalankan, perniagaan makanan khususnya nasi kandar telah mengalami kerugian akibat pengurusan yang tidak cekap dan kebersihan yang tidak diutamakan. Syarikat Naaaasi Kandar Sdn. Bhd. kemudiannya telah memutuskan untuk menukarkan perniagaannya dari menjual makanan dan minuman kepada melabur dalam Skim Cepat Kaya "350". Sebanyak \$30,000.00 lagi pinjaman dibuat daripada Mamakbank Berhad. Pihak bank mengetahui tentang tujuan pinjaman tambahan ini dilakukan. Seminggu selepas melabur, pihak berkuasa mengistiharkan Skim Cepat Kaya "350" sebagai tidak sah dan diharamkan. Kesannya, Syarikat Naaaasi Kandar Sdn. Bhd. telah kehilangan wang pelaburan berjumlah lebih daripada \$30,000.00. Dalam masa yang sama pihak bank telah mengemukakan tuntutan untuk mendapatkan kembali wang pinjaman sebanyak \$80,000.00 yang telah diberikan. Nasihatkan Mamakbank dan Syarikat Naaaasi Kandar Sdn. Bhd. tentang tanggung jawab mereka dari segi undang-undang syarikat.

[100 markah]

8. Anda telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah bagi sebuah syarikat Jepun bernama "Paksubisu" yang didaftarkan di Malaysia. Bincangkan kedudukan dan fungsi anda sebagai pengarah di syarikat berkenaan.

[100 markah]



---ooo0000ooo---